

07/08/2002

Perjanjian tuntutan Batu Putih dimeterai September

KUALA LUMPUR, Selasa - Malaysia dan Singapura dijangka meterai perjanjian berkaitan persetujuan kedua-dua negara bagi penyelesaian tuntutan bertindih Pulau Batu Putih ke Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) pada 2 atau 3 September depan.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata Wisma Putra sudah membuat permintaan bagi tarikh yang sama diadakan bagi rundingan kedua mengenai pakej isu tertangguh antara Malaysia dengan Singapura, tetapi terpulang kepada republik itu untuk bersetuju dengan tarikh berkenaan.

"Kita (Malaysia) sudah siapkan segala dokumen yang diperlukan dan sebaik saja kedua-dua negara setuju dengan tarikh itu, kita akan tandatangani perjanjian berkenaan.

"Saya harap perkara itu dapat dibuat ketika lawatan saya ke Singapura bulan depan (bagi rundingan kedua isu tertangguh) tetapi saya tidak tahu sama ada tarikh itu dipersetujui Singapura," katanya sebelum menghadiri sesi dialog bersama Presiden Kyrgyz, di Hotel Shangri-la di sini hari ini.

Semalam Berita Harian melaporkan Malaysia sudah menyerahkan dokumen kepada Singapura berkaitan persetujuan kedua-dua negara bagi penyelesaian tuntutan bertindih berkenaan.

Laporan itu memetik sumber diplomatik yang menyatakan proses perbincangan mengenai persetujuan itu sudah dijalankan secara berperingkat.

Dalam perkembangan lain, Syed Hamid berkata, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan mengadakan lawatan kerja selama dua hari ke Bali, Indonesia esok, atas jemputan Presiden republik itu Megawati Soekarnoputri.

Lawatan Perdana Menteri itu adalah dalam konteks perbincangan tahunan antara pemimpin kedua-dua negara untuk mengukuhkan lagi hubungan dua hala.

"Kedua-dua pemimpin akan membincangkan beberapa isu serantau dan antarabangsa yang mempunyai kepentingan bersama," katanya.

Syed Hamid berkata, ada lima Memorandum Persefahaman (MoU) yang akan ditandatangani kedua-dua pemimpin dalam lawatan berkenaan, iaitu:

- * MoU mengenai kerjasama di bidang pembangunan wanita dan keluarga;
- * MoU mengenai penghantaran pulang pendatang tanpa izin dari Indonesia;
- * MoU mengenai kerjasama Imigresen;
- * MoU penubuhan Lembaga Persahabatan Indonesia-Malaysia (Prima) dan Lembaga Persahabatan Malaysia-Indonesia (Permai); dan
- * MoU penubuhan Majlis Perdagangan Bersama Malaysia-Indonesia.